

26 APR 1997

Mahathir-Kereta (Bergambar)

RAKYAT MESTI FAHAM TEKNOLOGI DAHULU SEBELUM PEMINDAHAN DIMANFAATKAN

SHAH ALAM, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia mesti terlebih dahulu memahami teknologi sebelum mengambil alih atau memanfaatkan sesuatu pemindahan teknologi itu.

"Terpulang kepada kita semua sama ada kita hendak mengejar teknologi atau tidak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kereta sports pertama Malaysia, TVR Chimaera, yang direkabentuk secara manual keluaran TVR Sports (M) Sdn Bhd di litar lumba Shah Alam di sini hari ini.

"Kita tidak boleh tunggu orang memberi sahaja jika kita belum bersedia untuk menerima kerana pemindahan teknologi melibatkan kedua-dua pihak, dan memang ada berlaku kadang-kadang pihak lain enggan memindahkan teknologi," jelas Perdana Menteri bila ditanya mengenai kerjasama dengan syarikat-syarikat asing.

Menyentuh tentang kereta Chimaera berharga RM240,000 (bagi enjin 4.0 liter) dan RM266,360 (bagi 5.0 liter) itu, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati kerana kualitinya amat baik dan menepati mutu yang dikehendaki.

"Saya rasa bangga dengan pencapaian ini dan saya dimaklumkan tidak banyak komponen yang diimport dan yang penting kerja untuk keluarkan pakej badan kereta daripada kaca gentian dibuat di sini," katanya.

Beliau berkata kereta Chimaera benar-benar memiliki saiz kereta sports daripada segi bentuk, pengemasan dan keselesaan untuk pemandu.

"Dari segi cengkaman jalan, saya dapati Chimaera adalah sebuah kereta yang cukup menepati standard, malah lebih daripada itu kerana ia menepati segala kehendak sebuah kereta sports," katanya.

Dr Mahathir bangga kerana Chimaera merupakan sebuah kereta sports jati buatan Malaysia dengan enjinnya ditingkatkan di negara ini termasuk pembuatan bingkai dan casis.

Menjawab soalan tentang kegagalan pihak lain mengeluarkan kereta sports di negara ini sebelum ini, Perdana Menteri berkata: "Memang ada juga cadangan untuk keluarkan kereta sports di Malaysia yang gagal. Saya harap perkara ini tidak berlaku kerana sesuatu projek itu mestilah kereta sports tulen buatan Malaysia."

Katanya ada juga pihak semasa membuat cadangan membawa kereta dari Britain kononnya ia dibuat di Malaysia, tetapi sebenarnya ia kereta sports yang lama.

Dr Mahathir juga berkata oleh kerana pasaran kereta sports terhad, pengeluarannya memberi peluang kepada Malaysia mempelajari ciri-ciri kejuruteraan, rekabentuk, struktur dan lain-lain yang berkaitan.

Katanya kejayaan syarikat yang mengeluarkan kereta sports Chimaera itu bukan sahaja satu kejayaan dalam industri berkenaan, tetapi juga membuktikan kemampuan negara keseluruhannya di bidang kejuruteraan.

Dalam ucapannya terdahulu, Pengerusi TVR Sports Datuk Razali Abdul Rahman berkata idea untuk mengeluarkan kereta sports itu diilhamkan oleh Perdana Menteri dalam satu perbincangan beberpa tahun lalu.

Katanya Malaysia kini boleh berbangga menjadi pengeluar kereta sports berprestasi tinggi. "Ini merupakan kereta sports bertaraf dunia yang boleh kita banggakan dan menandakan Malaysia telah meningkat satu anak tangga lagi dalam bidang teknologi."

Menurut Razali sejak dari mula TVR mengeluarkan lebih daripada 50 peratus bahagian kereta itu dalam negara termasuk casis, badan kereta, tempat duduk dan hiasan dalaman.

"Kami sedang memulakan satu program pembangunan vendor bermula dengan 10 pengeluar komponen terpilih yang akan dilatih menjadi pembekal pada masa depan. Sebaik program ini berjaya, kami mungkin mengeskport komponen kepada rakan kongsi kami di Britain dan kami berhasrat mencapai matlamat itu menjelang 1999," katanya. -- BERNAMA

ZAB RON